

# PENYATAAN MISI PASTORAL GEREJA KATOLIK DI SABAH

*“Mengenang Sejarah, Meneruskan legasi, Membina Bersama Kerajaan Allah dalam Semangat Sinodal”*

Kami, umat Allah di Sabah, yang mewarisi iman melalui kesaksian hidup para missionari awal, dipanggil untuk **membangun Gereja yang hidup dan bersatu**, berakar dalam sejarah, bergerak dalam iman, dan terbuka kepada karya Roh Kudus.

Melalui semangat sinodaliti, kami menyedari bahawa:

## **1. Iman Adalah Warisan dan Tanggungjawab**

Kami menghargai dan menghidupkan kembali warisan iman melalui rasa syukur, dokumentasi sejarah, dan pewartaan Injil yang relevan.

Kami melanjutkan warisan iman bukan sekadar dengan mengenang, tetapi melalui tindakan penginjilan yang nyata.

## **2. Keluarga dan Belia Adalah Jantung Misi**

Keluarga adalah sekolah awal pembentukan iman dan panggilan hidup, dan anak muda adalah peneraju masa kini serta masa depan Gereja.

Kami berkomitmen untuk memperkasa institusi keluarga kristian dan mendampingi belia agar mereka mengenal Kristus secara peribadi dan menjadi saksi-Nya dalam dunia masa kini.

## **3. Gereja Dibina daripada Akar Umbi**

Kami membina komuniti beriman yang bermula daripada keluarga, Komuniti Kristian Dasar (KKD), belia, sekolah dan seluruh lapisan umat, dengan penglibatan aktif semua dalam semangat kerjasama dan persaudaraan.

#### **4. Sinodaliti Adalah Gaya Hidup Gereja**

Kami mempraktikkan sinodaliti — mendengar, berdialog, dan berjalan bersama — dalam semua peringkat kehidupan Gereja,  
dengan mengambil kira setiap suara, terutama bagi mereka yang tersisih.

#### **5. Pelayanan Berakar dalam Roh Kudus dan Doa**

Kami melayani dengan rendah hati, dengan kekuatan dari doa, sabda, dan sakramen.  
Segala perancangan dan tindakan pastoral kami berakar dalam *discernment* dan penyerahan kepada kehendak Tuhan.

#### **6. Mengenal dan Menjawab Panggilan Hidup:**

Mengembala dan membimbing generasi muda untuk mendengar bisikan Roh Kudus, agar berani menyahut Panggilan pelayanan kudus Gereja sama ada sebagai awam, religius, atau paderi — dan dengan rela hati menjawabnya dalam iman dan pelayanan yang setia.

#### **7. Merayakan Sakramen Sebagai Sumber Kehidupan:**

Menghargai dan merayakan sakramen-sakramen Gereja sebagai tanda nyata kehadiran Kristus yang menyertai, menguduskan dan memperbaharui hidup kami.

#### **8. Gereja yang Inklusif, Misionari dan hidup, bertindak, danewartakan Injil**

Kami menjadi Gereja yang terbuka dan berani bersaksi membawa kebenaran terhadap isu-isu sosial, kemanusiaan dan alam sekitar.  
Kepelbagaian budaya dalam setiap keuskupan bukanlah halangan, melainkan sumber kekayaan untuk saling melengkapi dan bergerak ke arah misi bersama.

#### **9. Pertobatan Yang Berterusan Adalah Kunci Gaya Hidup Sinodal**

Kami sedar bahawa perjalanan bersama bermula dengan pertobatan dan pembaharuan diri.  
Kami membenarkan Roh Kudus menjamah hati kami agar mampu berjalan dalam kesatuan, kasih dan kesetiaan.

Dengan kasih dan harapan yang menyala, kami berjalan bersama dalam semangat sinodaliti untuk meneruskan sejarah iman yang hidup dan memikul tanggungjawab zaman ini serta menghadapi masa depan Gereja dengan penuh keyakinan akan penyertaan Roh Kudus.